

02/01/2002

Tindakan pemilik The Sun tepat: Zainuddin

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan hanya mengarahkan penyiasatan dilakukan berhubung penyiaran berita dakwaan komplot pembunuhan pemimpin tertinggi negara oleh akhbar, The Sun.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin, berkata penggantungan perkhidmatan pihak yang terbabit dengan penyiaran berita itu diarahkan pihak pengurusan syarikat itu dan bukannya oleh kerajaan.

"Syarikat berkenaan mengambil langkah tepat dengan penggantungan kerja kakitangan terbabit. Penyiaran berita seumpama ini sudah lari daripada tradisi akhbar di negara ini," katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbukanya sempena Hari Raya, di Taman Melawati, di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas bantahan Kesatuan Wartawan Kebangsaan (NUJ) terhadap penggantungan perkhidmatan wartawan R Manirajan dan jurugambar Anita M Nasir.

Kedua-dua kakitangan itu digantung perkhidmatan berikutan laporan muka surat depan akhbar itu pada 25 Disember lalu mengenai komplot pembunuhan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dalam perkembangan lain, Zainuddin berkata, jaminan MCA untuk menyelesaikan isu dalaman partinya bagi menghadapi pilihan raya kecil Indera Kayangan, Perlis adalah bukti parti itu lebih mengutamakan perpaduan.

Sementara itu, katanya, jaminan DAP untuk tidak membantu barisan pembangkang dalam pilihan raya akan datang adalah tidak jelas.

"Saya tengok ketika di sesi Dewan Rakyat masih ada kerjasama yang kuat antara DAP dan Pas," katanya.

(END)